

25/10/1997

Rakyat tidak perlu lemah semangat

BELANJAWAN 1998 yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim Jumaat lalu pada umumnya disambut baik kerana tidak begitu membebankan rakyat seperti yang dijangka. Tetapi kemelut ekonomi yang dihadapi negara terpaksa ditangani secara luar biasa. Sudah tentu ada pihak yang terpaksa menanggung sedikit perit dan ada pula pihak tertentu terpaksa dirangsang untuk berkembang. Orang sakit terpaksa diberikan ubat dan ada kalanya ubat untuk menyembuh penyakit itu pahit. Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata belanjawan itu akan dapat menarik pelabur asing kerana ia menunjukkan negara masih mempunyai asas ekonomi yang kukuh. Anwar pula menyatakan berkesan tidaknya belanjawan itu bergantung kepada langkah yang diambil negara lain di rantau ini. Sebabnya ialah masalah yang kita hadapi ialah masalah serantau.

Sekitaran yang tidak menentu sekarang akan berterusan untuk beberapa waktu, katanya. Langkah selanjutnya akan diambil dari semasa ke semasa untuk menghadapi masalah yang mungkin timbul pada masa hadapan. Dr Mahathir berkata tidak ada sebab maka pelabur asing tidak mempunyai keyakinan terhadap negara kita. Lihat sahaja belanjawan kita, katanya, ia menunjukkan kelebihan lebih daripada RM8 bilion. Tetapi keadaan tidak menentu nilai mata wang ringgit sukar dikawal kerana hala dan arah serta bentuk perdagangan mata wang ditentukan oleh peniaga-peniaga mata wang. Bahawa rantau ini termasuk Malaysia akan pulih kembali sebagai rantau yang dinamik pembangunannya tidaklah diragukan.

Menteri-menteri Asean yang menghadiri persidangan ekonomi kelmarin menyatakan keyakinan mereka yang masalah mata wang melanda Thailand, Indonesia, Filipina dan Malaysia sekarang adalah fenomena sementara dan tidak akan mempunyai kesan jangka panjang kepada pembangunan ekonomi serantau. Dengan asas ekonomi yang kuat, negara Asean akan pulih kembali sebagai pusat pertumbuhan ekonomi yang dinamik pada masa depan, menurut menteri itu.

Tetapi bilakah keadaan kemelut itu akan berakhir tidak dapat dipastikan. Sementara itu, kita terpaksa melalui ujian hidup yang agak getir. Belanjawan yang dibentangkan Jumaat lalu menurut seorang penganalisis ekonomi adalah yang berimbang kerana ia ditujukan kepada golongan berkemampuan menanggung cukai yang lebih tinggi sedangkan golongan yang tidak berkemampuan tidak disentuh.

Cukai import barang mewah dinaikkan, umpamanya. Cukai bayar lesen kereta ditambah, demikian juga bayaran mendapatkan pasport. Galakan diberikan kepada usahawan yang membuat barang tempatan untuk pasaran dunia dengan maksud ia menolong negara mengumpulkan dana mata wang asing. Beberapa projek mega ditangguhkan seperti projek hidroelektrik Bakun, Putrajaya fasa kedua, Lapangan Udara Antarabangsa Kawasan Utara, projek bandar Linear Kuala Lumpur, projek membina jambatan Sumatera-Malaysia dan projek jalan Cameron Highlands - Bukit Fraser - Genting yang keseluruhannya dijangka bernilai kira-kira RM60 bilion.

Adakah bayaran mendapatkan pasport baru untuk keluar negara akan membatasi jumlah rakyat melancong ke London, New York dan Paris? Golongan berada barangkali tidak berasa ia suatu beban. Begitu juga cukai kereta. Barangkali golongan berpendapatan rendah akan berasa ia perit sedikit.

Tetapi belanjawan kali ini ialah belanjawan yang dimaksudkan untuk mengubat penyakit dan tentulah ia agak pahit. Selama ini kita hidup sihat, jarang sakit dan tiba-tiba ditimpa penyakit yang perlu memakan ubat yang

agak pahit.

Inilah keadaan kita sekarang iaitu terpaksa berjimat cermat dan hidup menurut kemampuan kita. Barangkali sukar untuk kita segera menyesuaikan diri kepada sekitaran baru yang tiba-tiba kita hadapi sekarang dan untuk beberapa waktu pada masa hadapan. Kita terpaksa membatasi nafsu kita untuk hidup mewah.

Masyarakat kita sebenarnya ialah masyarakat pengguna di mana cara hidup kita ditentukan dan dipengaruhi oleh nafsu kebendaan. Jika kita sebenarnya hanya memerlukan sebuah kereta, kita membeli sebuah lagi kereta sedangkan kita tidak memerlukannya. Kita mengejar 'simbol status'. Sekarang kita terpaksa bercermat dan sesetengah kita seperti tidak dapat menerima perubahan itu. Kita tidak mempersalahkan diri kita melainkan mempersalahkan orang lain kerana keborosan kita selama ini.

Tidak ada kepastian bila kemelut ekonomi kita akan berakhir. Sama ada ia cepat kita atasi atau berlarutan bergantung kepada faktor di luar kawalan kita.

Di samping itu, kita menghadapi usaha daripada pihak tertentu di luar negara yang memang bermaksud memporakperandakan negara kita mengadudombakan pemimpin serta menabur fitnah umumnya untuk membantutkan Wawasan 2020.

Inilah masanya kita harus menyingsing lengan dan berdiri bahu-membahu di belakang pemimpin untuk menangani krisis ini.

Jika kita lemah semangat dan merungut serta merintih iaitu seperti yang dikatakan oleh Perdana Menteri, kita gelabah, kita akan putus ikhtiar untuk menangani kemelut ekonomi negara.

(END)